

# **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

## **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BIL.2/1997**

### **KEMUDAHAN PINDAHMILIK TANAH DAN GADAIAN DI BAWAH PROGRAM PERUMAHAN KOS RENDAH SECARA “BLANKET APPROVAL”**

---

Pekeliling ini di keluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam sidangnyanya pada 5 Febuari 1997 telah bersetuju membuat keputusan sebagaimana berikut :-

- 1.1 Kebenaran Am dibawah Seksyen 13A Enakmen Rizab Melayu 1930, Seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan 1938 dan Seksyen 120 Kanun Tanah Negara ( sekatan kepentingan ) bagi membolehkan tuan tanah Bukan Melayu di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah membuat pindahmilik pertama kepada pembeli-pembeli Bukan Melayu Anak Kelantan atau Bukan Anak Kelantan ( tertakluk kepada kuota ) dan seterusnya membolehkan pembeli pertama membuat cagaran/gadaian kepada Bank atau Institusi Kewangan yang tidak disenaraikan di dalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938.
  
- 1.2 Kebenaran Am di bawah Seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan 1938 dan Seksyen 120 Kanun Tanah Negara ( sekatan kepentingan ) bagi membolehkan tuan tanah Melayu di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah membuat pindahmilik pertama kepada pembeli-pembeli Melayu Bukan Anak Kelantan dan seterusnya membolehkan pembeli pertama membuat cagaran/gadaian kepada Bank atau Institusi Kewangan yang tidak disenaraikan dalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938.

- 1.3 Pengecualian bayaran pendaftaran pindahmilik dan gadaian pertama bagi semua rumah kos rendah jenis biasa dan pangsa di bawah Program Rumah Kos Rendah/Rumah Awam Kos Rendah.
- 1.4 Pengurangan kadar bayaran premium bagi tukar syarat dan pecah sempadan sebanyak 50%.
- 1.5 Pengurangan bayaran kelulusan pelan oleh Majlis Daerah/Perbandaran sebanyak 50% untuk semua Projek Rumah Awam Kos Rendah.
- 1.6 Memasukkan Program Penswastan Perumahan ke dalam Kategori Projek Khas di bawah Program Perumahan Kos Rendah.
- 1.7 Untuk kemudahan Program Perumahan Kos Rendah ini, tuan tanah atau pemaju hendaklah mendapatkan sijil khas yang akan dikeluarkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan (Bahagian Perumahan).
- 1.8 Tempoh kemudahan sebagaimana di atas berkuatkuasa sehingga semua Projek Perumahan Kos Rendah habis dijual dan dipindahmilik.
2. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama Arahan PTG.KN.2/1989 dan Bil.1/91.
3. Pekeliling yang berkaitan iaitu Pekeliling PTG.KN.Bil.1/1993 dengan ini dimansuhkan

**t.t**  
**(Haji Nik Aznan Shah bin Dato' Nik Abdullah)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN.

**KEPADA :**

Y.A.Brs. Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

YBrs. Setiausaha, Majlis Perbandaran Kota Bharu.

YBrs. Semua S/U Majlis Daerah Negeri, Kelantan.

**SALINAN KEPADA:**

1. Y.A.B. Dato' Tuan Guru Menteri Besar, Kelantan.
2. Y.B. Timbalan Menteri Besar, Kelantan.  
(Tuan Haji Abdul Halim bin Abdul Rahman).
3. Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.
4. Y.B.M. Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
5. Y.B. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
6. Y.A.Brs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
7. Y.Brs. Pengarah Penyelesaian Tanah Negeri Kelantan.
8. Y.Brs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.
9. Y.Brs. KPSU (Perumahan) Pej. Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
NEGERI KELANTAN,  
BLOK 3, TINGKAT BAWAH,  
KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU.**

**FAIL : P.T.G. KN. (S) 23/3/1/Jld. 3/(33)  
BERTARIKH : 26 SYAWAL 1417  
06 MAC 1997**